

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 ( 10 )

26 Mei 2016  
19 Syaaban 1437

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2016

### PENUBUHAN MAJLIS ALUMNI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 8/2016 bertarikh 18 April 2016 telah bersetuju ke atas Penubuhan Majlis Alumni UTM.

2. Tujuan penubuhan Majlis Alumni UTM adalah sebagai badan penasihat dan tonggak penghubung di antara alumni dan UTM di samping sebagai pengantara di antara alumni sektor negeri dan alumni '*Special Interest Group*' (SIG). Sekretariat Majlis Alumni UTM ini ialah di Pejabat UTMA*Alumni* Johor Bahru.

3. Objektif penubuhan Majlis Alumni UTM ini ialah untuk :

- a) Menentukan peranan alumni dalam pembangunan UTM.
- b) Menentukan hala tuju kerjasama di antara UTM dan alumni.
- c) Menentukan kaedah kerjasama di antara UTM dan alumni.
- d) Membentuk komuniti alumni UTM yang kukuh dan teguh.

4. Keahlian Majlis Alumni UTM ialah seperti berikut:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA)

Ahli : Pengarah Kanan UTMA*Alumni*

: Semua Pengerusi Sektor Negeri

: Lima (5) Wakil SIG

: Pengerusi Persatuan Alumni UTM

: Pengarah Unit Endowmen

: Timbalan Pengarah UTMA*Alumni*

: Timbalan Pendaftar Kanan HEMA


Setiausaha : Timbalan Pendaftar UTMA*Alumni*

5. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai penubuhan Majlis Alumni Universiti Teknologi Malaysia yang berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Bendahari
  - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
  - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah